

# **FAKTOR PERUBAHAN AMALAN ADAT TRADISI DALAM PROSES PENANAMAN PADI SAWAH TRADISIONAL MASYARAKAT DUSUN KURUYOU DI KG. LIAU DARAT, BINGKOR, SABAH.**

**THE CHANGE FACTORS IN TRADITIONAL PRACTICES IN THE  
PROCESS OF RICE CULTIVATION OF KURUYOU DUSUN IN KG. LIAU  
DARAT, BINGKOR, SABAH**

Constant Vianney Cyril Chin

Universiti Malaysia Sabah

Correspondence: Constant Vianney ([cyrilnani@gmail.com](mailto:cyrilnani@gmail.com))

## **ABSTRACT**

The Dusun Kuruyou community in Kampung Liau Darat, like any other community, have their own and unique traditional customs and beliefs. Other than having high values in society, the traditional customs of the Kuruyou community also serve as a symbol of the identity of their community. However, their traditional customs also do not escape the threat of change either due to internal factors or external factors that occur in their lives. These factors not only affect the life of the Dusun Kuruyou community in Kampung Liau Darat but also have changed some traditional customs practices in the process of rice cultivation which is common and often practiced in the life of their community, especially in the context of traditional rice cultivation. This study is a qualitative study that aims to identify the factors that have caused changes in traditional customs practices in the process of rice cultivation of the Dusun Kuruyou community in Kg. Liau Darat. This study area (Kg. Liau Darat) is located in Keningau district and is one of the villages that became the original settlement area of the Dusun Kuruyou community (Spitzak, 1997) after they migrated from the Nunuk Ragang area. The analysis of this study was done based on primary data and secondary data. Primary data were obtained from interviews and field observations conducted in the field. The analysis of this study shows that the main factor in the occurrence of changes in customary practices in the process of rice cultivation of the Dusun Kuruyou community is because the practice is contrary to the principles of religious teachings that they follow today (Christian). As a result, the traditional customary practices

practiced today are no longer the same as those once practiced in the past. Thus, this study is important because it can see how the factors of change play a role in influencing the changes that occur in the traditional customary practice of rice cultivation of Dusun Kuruyou community and at the same time also examines the implications of changes in the traditional practice of traditional rice cultivation on the life of the Dusun Kuruyou community.

**Keywords:** changes, customs, factor, Dusun Kuruyou, practices, rice cultivation

## ABSTRAK

Masyarakat Kuruyou di Kampung Liau Darat juga sama seperti masyarakat yang lain, mempunyai adat dan kepercayaan tradisinya yang unik dan tersendiri. Selain mempunyai nilai yang tinggi dalam masyarakat, adat tradisi masyarakat Kuruyou juga berfungsi sebagai simbol kepada identiti masyarakat mereka. Namun begitu, adat tradisi mereka juga tidak terlepas daripada mengalami ancaman perubahan sama ada disebabkan oleh faktor dalaman maupun faktor luaran yang berlaku dalam kehidupan mereka. Faktor-faktor ini bukan sahaja mempengaruhi kehidupan masyarakat Dusun Kuruyou di Kampung Liau Darat malah telah mengubah sesetengah amalan adat tradisi dalam proses penanaman padi sawah tradisional yang menjadi kebiasaan dan sering diamalkan dalam kehidupan masyarakat mereka khususnya dalam konteks penanaman padi sawah tradisional. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam amalan adat tradisi dalam proses penanaman padi sawah tradisional masyarakat Dusun Kuruyou di Kg. Liau Darat. Kawasan kajian ini (Kg. Liau Darat) terletak di daerah Keningau dan merupakan salah satu kampung yang menjadi kawasan penempatan asal masyarakat Dusun Kuruyou (Spitzak, 1997) setelah mereka berhijrah daripada kawasan Nunuk Ragang. Analisis kajian ini telah dilakukan berdasarkan data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh daripada temu bual dan pemerhatian turut serta yang dilakukan di lapangan. Analisis kajian menunjukkan faktor utama berlakunya perubahan dalam amalan adat dalam proses penanaman padi sawah tradisional masyarakat Dusun Kuruyou adalah kerana amalan tersebut bertentangan dengan prinsip ajaran agama yang mereka anuti pada masa kini (Kristian). Akibatnya, amalan adat tradisi yang diamalkan pada hari ini tidak lagi sama seperti yang pernah diamalkan pada masa lalu. Justeru, kajian ini penting kerana ia dapat melihat bagaimana faktor-faktor perubahan tersebut memainkan peranan dalam mempengaruhi perubahan yang berlaku dalam amalan adat tradisi

penanaman padi sawah masyarakat Dusun Kuruyou. Kajian ini juga meneliti implikasi perubahan amalan tradisi penanaman padi sawah tradisional terhadap kehidupan masyarakat Dusun Kuruyou.

**Kata kunci:** adat, amalan, Dusun Kuruyou, faktor, penanaman padi, perubahan

## Pengenalan

Bagi kebanyakan masyarakat tradisional, padi adalah sesuatu yang sangat penting dalam kehidupan mereka. Hal ini demikian kerana kebanyakan kehidupan mereka berpusat pada penanaman dan penuaian padi (Jabatan Muzium Sabah, 1993). Bagi masyarakat Dusunik menurut Jacqueline Pugh-Kitingan (2012:25-26), padi dipercayai mempunyai aspek spiritual kerana mempunyai semangat yang dipanggil sebagai *bambarayon*. Oleh sebab itu, padi sentiasa dijaga dan dihormati. Selain itu, padi juga sangat penting dalam aspek ekonomi, sosial dan ritual. Sama seperti masyarakat Dusun yang lain, masyarakat Dusun Kuruyou juga menganggap bahawa padi adalah amat penting dalam kehidupan mereka. Justeru, amalan adat dan pantang larang dalam melakukan aktiviti penanaman padi telah menjadi suatu kewajipan kepada masyarakat mereka.

Bagi masyarakat Dusun Kuruyou, amalan tradisi ini adalah sangat penting sekiranya mereka melakukan proses penanaman padi kerana mereka mempercayai bahawa amalan ini dapat memastikan hasil tanaman padi yang mereka usahakan tidak mengalami kerosakan dan hasilnya tidak berkurangan (Informan mendiang Puan Linah). Tambahan pula, setiap fasa dalam proses penanaman padi bermula daripada fasa menanam, merumput, menuai dan menyimpan padi sejak turun-temurun lagi telah disertai dengan upacara ritual. Namun, kini amalan adat dalam proses penanaman padi telah mengalami perubahan dan tidak lagi sama seperti yang pernah mereka amalkan pada masa lalu akibat wujudnya beberapa faktor pendorong dalam dan luaran yang berlaku dalam kehidupan masyarakat mereka (menurut informan Encik Samuel).

Pandangan Hanafi Hussain (2005) menjelaskan situasi ini dengan menyatakan bahawa zaman telah berubah kepada zaman yang mementingkan sains dan teknologi. Justeru apa yang menjadi kepentingan dalam kehidupan adalah semua yang berpijak di bumi yang nyata. Oleh itu, hubungan di antara alam spiritual dan alam nyata tidak lagi diberi keutamaan dalam kehidupan,


malah ritual-ritual padi yang suatu masa dahulu memenuhi kalender kehidupan masyarakat tradisional telah ditukar dengan aktiviti-aktiviti pertanian moden. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengetahui perubahan yang berlaku dalam amalan adat tradisi dalam proses penanaman padi sawah masyarakat Kuruyou dan menjelaskan faktor-faktor yang telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam amalan adat tradisi tersebut.

## **Masyarakat Dusun Kuruyou**

Masyarakat Kuruyou merupakan salah satu masyarakat yang tergolong dalam kumpulan Bahasa-Bahasa Dusunik dan mereka juga merupakan sebahagian daripada kumpulan bahasa Austronesian (Appell, 1972, Spitzack 1997). Sejak zaman dahulu mereka tinggal di kawasan Bingkor di Daerah Keningau (Peta 1 dan 2). Menurut Pugh-Kitingan (2003:1-2, 2012: 11-12), ada kemungkinan bahawa masyarakat ini dahulu merupakan sebahagian daripada kumpulan masyarakat Kuruyou yang ada di bahagian selatan timur Tambunan (salah satu kumpulan dialek masyarakat Kadazan Dusun). Di dalam literatur mereka sering dirujuk sebagai ‘Kuijau’, namun dalam artikel ini penulis menggunakan istilah “Kuruyou” kerana masyarakat yang dikaji dalam kajian ini menggunakan istilah “Kuruyou” untuk merujuk kepada masyarakat mereka. Terdapat banyak istilah lain yang telah digunakan untuk menerangkan mengenai kumpulan masyarakat ini (lihat Rutter, 1929:26 dalam Spitzack, 1997), namun antonim yang biasanya digunakan oleh masyarakat Kuijau sendiri untuk merujuk kepada masyarakat mereka adalah Monindal dari perkataan “*Tindal*” yang bermaksud berpindah dari kawasan berdekatan air ke kawasan tinggi. Mereka telah berpindah dari sebelah air (sungai Pagalan dalam kes ini) ke kawasan tanah lebih tinggi. Masyarakat Kuijau juga kadangkala dipanggil sebagai “*Tidong*” yang bermaksud lereng bukit (iaitu “orang bukit”) oleh masyarakat Murut di kawasan tanah rendah di sekeliling mereka. Oleh itu, mereka kerap kali dikenali sebagai masyarakat Dusun Bukit oleh kumpulan masyarakat yang lain (Rutter, 1929: 36 dalam Spitzack, 1997).

Masyarakat Dusun Kuruyou di Kampung Liau Darat juga ialah masyarakat dwisisi yang mementingkan keseimbangan gender sama seperti masyarakat Dusunik yang lain. Keluarga konjugal adalah asas kepada unit sosial dan perkahwinan dalam masyarakat ini disahkan melalui hantaran berian perkahwinan yang diberikan oleh ibu bapa keluarga pengantin lelaki kepada ibu bapa pengantin perempuan. Jenis penempatan selepas perkahwinan selalunya bersifat virilokal. Agama tradisi masyarakat Kuruyou

selalunya diketuai oleh golongan *bobolian* iaitu wanita yang pakar ritual kanan yang akan mengucapkan *rinait* atau puisi panjang dalam sesuatu upacara ritual dan mengorbankan haiwan untuk menenangkan dunia spiritual untuk menjamin kesejahteraan hidup manusia. Walau bagaimanapun, bermula pada abad ke-20, kebanyakan masyarakat Kuruyou telah menjadi Kristian (majoritinya Roman Katolik) dan sebilangannya menjadi Muslim. Pada awalnya masyarakat Kuruyou sebenarnya tinggal dalam rumah panjang namun selepas Perang Dunia II meletus, mereka telah tinggal di dalam rumah tunggal sehingga ke hari ini. Bagi masyarakat Dusun Kuruyou di Liau Darat, aktiviti penanaman padi sawah adalah aktiviti sosioekonomi utama masyarakat mereka. Mereka juga melakukan aktiviti penanaman padi bukit.



Peta 1: Peta Kawasan Perkampungan Kuruyou

Sumber: Diadaptasi daripada Spitzak (1997)



Peta 2: Lokasi Kampung Liau Darat

Sumber: Jabatan Tanah dan Ukur Cawangan Keningau (2017)

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif etnografi lapangan dan juga kaedah persampelan *snowball*. Terdapat beberapa kaedah kajian yang telah digunakan dalam kajian ini untuk mengumpulkan data primer dan data sekunder. Pengumpulan data primer telah dikumpul menggunakan kaedah temu bual bersama beberapa informan terpilih dan juga pemerhatian turut serta semasa pengkaji melawat kawasan kajian. Manakala data sekunder pula dikumpulkan melalui kajian perpustakaan.

## Dapatan dan Perbincangan Kajian

*Amalan Adat (ritual) dalam Proses Penanaman Padi Sawah Masyarakat Dusun Kuruyou di Kampung Liau Darat.*

Kegiatan penanaman padi bagi masyarakat Kuruyou penuh dengan unsur spiritual kerana mereka percaya bahawa kegiatan penanaman padi adalah suatu kegiatan yang kudus. Hal ini demikian kerana mereka menganggap padi bukan sahaja sebagai sumber makanan utama atau sebagai sumber mata pencarian tetapi juga sebagai tanaman yang paling suci kerana ia dipercayai mempunyai roh atau semangat yang dipanggil sebagai *bambarayon*. Selain itu, mereka juga percaya bahawa padi merupakan pemberian sang Pencipta (atau gelaran *Minamangun* yang ada nama peribadi *Kinorohingan*, iaitu

Tuhan Maha Besar) yang seharusnya diperlakukan dengan penuh hormat. Justeru itu mereka melakukan beberapa jenis ritual padi pada fasa-fasa tertentu dalam proses penanaman padi sawah untuk menghormati atau memberi makan kepada semangat tersebut. Mereka percaya bahawa dengan melakukan upacara ritual padi tersebut, mereka akan dapat memastikan hasil tanaman padi yang mereka usahakan tidak mengalami kerosakan dan hasilnya tidak berkurangan serta dapat menjamin kesejahteraan keluarga mereka (menurut informan mendiang Puan Linah).

**Jadual 1. Proses Penanaman Padi Sawah Tradisional di Kampung Liau Darat**

| Jenis Proses                                      | Aktiviti Utama   | Ritual Utama   |
|---|--|--|
| i. Rumilik  | Membersihkan kawasan   | -  |
| ii. Mangabur/Mangasok                             | Menyemai biji benih di tapak semaian                                 | -  |
| iii. Mororobuat ( <i>mongimbadas/mangaragus</i> ) | Menyediakan sawah padi<br>Mengairi sawah padi<br>Membajak sawah padi | -  |
| iv. Mananom Parai                                 | Memindahkan anak benih padi ke kawasan penanaman padi                | <i>Tumodok</i> oleh <i>Bobolian</i>                              |
| v. Gumamas  | Merumput   | -  |
| vi. Manaso  | Menyediakan <i>Susu'un</i> (sulap)                                   | -  |
| vii. Monontob/Mongomot                            | Menuai padi  | <i>Mamahau Bambarayon</i> oleh <i>bobolian</i>                   |
| viii. Mongogik                                    | Mengasingkan biji padi daripada batangnya                            | -  |
| ix. Mangasas/Mongirik                             | Mengangin/Mengipas   | -  |
| x. Mangarangkat parai                             | Memindahkan padi ke tempat penyimpanan ( <i>langkau</i> )            | <i>Mokilugup, Papa'akon do Bambarayon</i> , oleh <i>bobolian</i> |

Sumber: Kajian Lapangan

Kedua-dua Jadual 1 dan Jadual 2 menunjukkan proses penanaman padi sawah yang dilakukan oleh masyarakat Kuruyou di Kampung Liau Darat. Jadual 1 menunjukkan proses penanaman padi sawah tradisional mengikut fasa di Kampung Liau Darat, bersama dengan ritual yang diamalkan oleh masyarakat Dusun Kuruyou. Manakala Jadual 2, pula menunjukkan proses penanaman padi sawah moden dua kali setahun mengikut fasa dan ritual yang dilakukan oleh masyarakat Kuruyou di Kampung Liau Darat. Dapat dilihat bahawa terdapat pengurangan yang agak ketara antara jumlah proses dalam penanaman padi sawah tradisional dan juga proses penanaman padi sawah moden. Kajian ini mendapatkan bahawa pengurangan ini berlaku kerana

sesetengah proses dalam penanaman padi sawah tradisional tidak lagi perlu dilakukan dalam proses penanaman padi sawah moden untuk mempercepatkan proses penanaman padi sawah dilakukan.

Dalam proses penanaman padi sawah tradisional masyarakat Kuruyou di Kampung Liau Darat, terdapat tiga upacara ritual padi utama yang sering dilakukan oleh *bobolian* setiap kali musim penanaman padi dilakukan di Kampung Liau Darat. Menurut informan kajian yang ditemui bual, kesemua ritual ini dilakukan bertujuan untuk melindungi padi dari pelbagai jenis ancaman seperti penyakit padi, malapetaka dan juga bala akibat ketidakseimbangan alam antara dunia nyata dan alam roh akibat daripada perbuatan manusia. Antara ritual-ritual tersebut ialah ritual *tumodok*, ritual *mamahau bambarayon* dan ritual *papa'akon do bambarayon* dalam upacara *mokilugup*.

**Jadual 2. Proses Penanaman Padi Sawah Moden Dua Kali Setahun di Kampung Liau Darat**

| Jenis Proses               | Aktiviti Utama  | Ritual Utama                                   |
|----------------------------|---|--|
| i. Rumilik                 | Membersihkan kawasan                                      | -  |
| ii. Mangasok               | Menyemai biji benih di tapak semaan                       | Memberkati kawasan tapak semaan oleh katekis   |
| iii. Mangaradu/Mongimbadas | Membajak sawah padi dan membuat batas                     | -  |
| iv. Mananom Parai          | Memindahkan anak benih padi ke kawasan penanaman padi     | <i>Tumodok</i>                                 |
| v. Mongomot                | Menuai padi   | Memberkati kawasan sawah padi oleh katekis     |
| vi. Malarai                | Mengasingkan biji padi daripada batangnya                 | -  |
| vii. Mangarangkat Parai    | Memindahkan padi ke tempat penyimpanan ( <i>Langkau</i> ) | <i>Moginum</i> , Pemberkatan padi oleh Katekis |

Sumber: Kajian Lapangan

### Upacara *Tumodok*

Upacara *tumodok* merupakan upacara untuk memanggil semangat padi ke kawasan sawah padi agar semangat padi akan tinggal di kawasan sawah dan menjaga padi yang akan ditanam kemudian. Bagi masyarakat Dusun

Kuruyou, mereka percaya bahawa jika semangat padi (*bambarayon*) tinggal di kawasan sawah mereka, padi yang ditanam kemudian akan menghasilkan buah yang banyak. Upacara *tumodok* biasanya dilakukan oleh beberapa *bobolian* yang diketuai oleh seorang wanita dengan menggunakan beberapa jenis tumbuhan seperti rumbia (sagu), *sivod* (selasih), keladi dan *sogumau* (serai), tujuh rumpun padi yang telah dipisah-pisahkan, sebatang kayu berukuran 3 hingga empat kaki dan juga *tapai* iaitu wain nasi. Upacara ini dimulakan dengan rumbia, *sivod*, keladi dan segumau serta sebatang kayu (3 hingga 4 kaki) dan *suki* (gelas yang diperbuat daripada bambu) yang berisi *tapai* ditanam dan dipacakkan di atas batas sawah. Tujuan tumbuhan ini ditanam di atas batas adalah untuk menyeru semangat padi agar padi dapat berbuah banyak seperti tumbuhan-tumbuhan tersebut (menurut informan mendiang Puan Linah). Kayu yang dipacak pula digunakan untuk menanam padi, dan *suki* berisi *tapai* pula bertujuan untuk memberi minum kepada semangat padi. Seterusnya, tujuh rumpun padi yang telah dipisahkan dan ditanam di bahagian penjuru petak sawah. Tujuannya adalah sebagai simbolik bermulanya proses penanam padi (menurut informan Puan Juliana). Setelah itu, proses penanaman padi dimulakan. Walau bagaimanapun, pada hari ini, upacara *tumodok* telah digantikan dengan upacara memberkati kawasan sawah padi oleh pemimpin agama Kristian yang dipanggil sebagai katekis.

### Upacara *Mamahau Bambarayon*

Upacara *mamahau bambarayon* biasanya dilakukan sebelum petani mula menuai padi (fasa *mongomot*). Upacara ini dilakukan oleh seorang atau sekumpulan *bobolian* yang diundang oleh pemilik sawah dan dilakukan sebanyak tiga kali sebelum mula menuai padi (menurut informan mendiang Puan Linah). *Bobolian* akan memulakan upacara *mamahau bambarayon* dengan *momurinait* atau mengucapkan *rinait* khas (puisi dan doa yang panjang) di tengah-tengah kawasan sawah padi. Sambil *momurainait*, minuman tradisi *tapai* akan diletakkan di dalam *suki* dan diikatkan pada tiga rumpun pokok padi. Tujuannya adalah untuk menyeru dan memberi minum semangat padi agar semangat padi akan tinggal di kawasan padi dan menjaga padi sepanjang proses menuai dilakukan. Setelah itu, pemilik sawah akan mengambil tujuh batang padi dan memotongnya lalu membawa padi tersebut ke sulap untuk digantung di bahagian dalam sulap. Upacara ini dilakukan sebagai simbolik bermulanya musim menuai padi. Namun, seperti upacara *tumodok*, upacara ini juga tidak lagi diamalkan dalam proses penanaman padi sawah moden masyarakat Kuruyou malah telah digantikan dengan ritual memberkati kawasan padi yang akan dilakukan oleh katekis.

### Upacara *Mokilugup*

*Mokilugup* pula merupakan sebuah upacara yang dilakukan oleh *bobolian* untuk memanggil semangat padi bagi membantu dalam fasa *mangarangkat parai* yang dilakukan oleh petani di Kampung Liau Darat. Upacara ini dilakukan dengan memanggil semangat padi menggunakan nama orang-orang yang datang membantu untuk memindahkan padi. Setelah upacara ini selesai maka proses *mangarangkat parai* boleh dimulakan dengan bersungguh-sungguh. Setelah selesai memindahkan padi, aktiviti *moginum* atau perayaan kecil-kecilan untuk merayakan berakhirnya proses penanaman padi akan dilakukan. Tuan rumah akan menghidangkan beberapa jenis makanan tradisional (telur dan nasi wajib) dan minuman tradisi (*tapai*) sebagai tanda berterima kasih kepada orang ramai yang telah membantunya memindahkan hasil padi daripada sulap sawah ke *lingkut* (tempat penyimpanan beras) di *langkau* (bangsal) di belakang rumah dengan selamat. Perayaan *moginum* ini akan dilakukan dalam *langkau* berdekatan dengan tempat padi disimpan (*lingkut*) kerana ritual *papa'akon do bambarayon* akan dilakukan. Tujuannya upacara ini dilakukan adalah untuk memberi makan dan minum kepada semangat padi sebagai tanda berterima kasih kerana petani telah menerima hasil padi yang banyak untuk musim penanaman padi pada kali itu dan juga sebagai tanda berterima kasih kerana proses *mangarangkat parai* dapat diselesaikan dengan selamat. Sayangnya upacara ritual ini tidak lagi diamalkan dalam proses penanaman padi moden yang dilakukan oleh masyarakat Kuruyou di Kampung Liau Darat pada hari ini dan telah digantikan dengan upacara memberkati padi yang dilaksanakan oleh katekis.

Walaupun sesetengah upacara tradisi dalam proses penanaman padi sawah tradisional seperti *Tomodok* masih diamalkan dalam proses penanaman padi sawah moden, namun alat dan cara yang digunakan oleh kategis untuk melakukan upacara tersebut telah diubahsuai mengikut kesesuaian ajaran agama Kristian. Selain itu, kebanyakan upacara ritual tradisi yang dilakukan oleh masyarakat Dusun Kuruyou di Kampung Liau Darat dalam proses penanaman padi sawah pada hari ini juga hanyalah sebagai simbolik bagi masyarakat mereka untuk memelihara adat tradisi mereka dalam konteks kehidupan yang baharu (berlandaskan agama Kristian).

### *Faktor Perubahan Amalan Adat dalam Proses Penanaman Padi Sawah Tradisional Masyarakat Dusun Kuruyou di Kampung Liau Darat*

Seiring dengan peredaran masa dan zaman, banyak perkara telah berlaku dalam kehidupan masyarakat Dusun Kuruyou di kampung Liau Darat. Perubahan yang terus menerus berlaku dalam kehidupan masyarakat ini telah mendesak masyarakat tersebut untuk meninggalkan sesetengah amalan adat tradisi dalam proses penanaman padi sawah tradisional yang biasanya menjadi kebiasaan dan sering diamalkan dalam kehidupan masyarakat mereka. Perubahan ini berlaku kerana wujudnya beberapa faktor pendorong yang berjaya meresap masuk dalam kehidupan masyarakat mereka. Faktor-faktor pendorong tersebut terbahagi kepada dua iaitu faktor dalaman dan faktor luaran.

### Faktor Dalaman

#### a. Perubahan Agama

Tidak dapat dinafikan bahawa perubahan agama iaitu pengaruh agama Kristian merupakan salah satu faktor dalaman yang telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam amalan adat tradisi dalam proses penanaman padi sawah masyarakat Dusun Kuruyou di Kampung Liau Darat. Walau bagaimanapun, setelah diteliti dengan lebih mendalam kajian ini mendapati bahawa agama Kristian juga telah menjadi faktor utama yang menyebabkan masyarakat ini dapat mengekalkan sesetengah amalan tradisi yang berkaitan dengan proses penanaman padi sawah masyarakat mereka sehingga ke hari ini; contohnya amalan ritual untuk menguatkan padi semasa proses menanam dan menuai padi dan juga upacara kesyukuran setelah selesai proses pemindahan padi daripada sulap ke tempat penyimpanan padi di rumah (*lingkut*) dilakukan oleh petani.

Kewujudan pengaruh agama Kristian yang kuat dalam kehidupan masyarakat mereka, telah mendorong masyarakat tersebut meninggalkan amalan adat tradisi dalam proses penanaman padi sawah mereka yang bertentangan dengan ajaran agama Kristian. Namun, setelah diselidiki dengan lebih mendalam, sebenarnya amalan ritual tradisi tersebut tidak ditinggalkan begitu sahaja. Seperti yang telah diketahui, masyarakat Dusun Kuruyou merupakan sebuah masyarakat yang amat berpegang teguh kepada amalan adat dan tradisi mereka kerana ia adalah simbol kepada asas pembentukan identiti mereka sebagai sebuah masyarakat Dusun. Oleh sebab itu, apabila pengaruh agama Kristian hadir dalam kehidupan mereka, mereka cuba menyesuaikan diri mereka dengan perubahan yang berlaku secara mendadak ini dengan membuat penyesuaian terhadap amalan adat ritual tradisi dengan menggantikan alat-alat dan juga kaedah yang sering

digunakan dalam sesuatu upacara ritual dalam proses penanaman padi sawah, contohnya pengubahsuaian penggunaan haiwan sebagai korban kepada penggunaan air berkat dan juga buku panduan doa agar ia berkesinambungan dengan amalan yang diajarkan oleh agama Kristian.

Boleh dikatakan bahawa sebenarnya proses penyesuaian yang dilakukan ini merupakan strategi *survival* kepada amalan adat tradisi yang lama. Buktinya, salah seorang informan kajian (Puan Juliana) ada mengatakan bahawa, “kami masih lagi melakukan upacara ritual menguatkan padi dalam melakukan proses penanaman dan penuaian padi sawah dua kali setahun, tetapi tatacara dan peralatan yang kami gunakan tidak lagi sama...kami gunakan air berkat dan juga buku panduan Doa untuk upacara memberkati padi”. Perkara ini menunjukkan bahawa walaupun perubahan agama (dari agama tradisional kepada agama Kristian) merupakan salah satu faktor dalaman yang telah mempengaruhi perubahan amalan adat dalam proses penanaman padi sawah tradisional masyarakat Dusun Kuruyou di Kampung Liau Darat, namun dalam masa yang sama ia juga menjadi faktor mengapa amalan ritual dalam proses penanaman padi sawah masih berterusan dilakukan dan diamalkan sehingga ke hari ini.

### b. Kekurangan Pakar Ritual Mahir

Seiring dengan perubahan agama yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Dusun Kuuryou, faktor kekurangan pakar ritual mahir yang boleh melaksanakan ritual tradisi juga telah menyebabkan perubahan berlaku dalam amalan adat tradisi proses penanaman padi sawah di kampung Liau Darat. Kajian ini mendapati bahawa masyarakat ini mengambil keputusan untuk meninggalkan amalan adat dalam proses penanaman padi sawah tradisi yang melibatkan upacara ritual yang kompleks dan cuba untuk beradaptasi dengan persekitaran kehidupan yang baharu kerana tanpa adanya *bobolian* yang mahir untuk mengetuai sesuatu upacara ritual padi, sukar untuk masyarakat mereka meneruskan amalan tersebut kerana tidak mengetahui dan memahami bagaimana hendak melakukan sesuatu upacara tersebut. Informan kajian ada mengatakan “sekarang ini tidak ada lagi amalan ritual tradisi dalam proses penanaman padi, semuanya diubah kerana tidak ada lagi *bobolian* mahir untuk melaksanakan ritual tradisi dalam proses penanaman padi...lagipun sekarang sudah ada agama (Kristian Katolik) jadi sekarang *katekis* yang berperanan melaksanakan upacara yang berkaitan dengan proses penanaman padi”.

Walaupun pakar yang mahir dalam amalan ritual tradisi (*bobolian*) telah tiada, namun pada hari ini *katekis* telah mengambil ahli tugas tersebut dengan melaksanakan upacara ritual dalam proses penanaman padi mengikut tatacara yang bersesuaian dengan ajaran agama Kristian. Dapat dilihat bahawa walaupun pakar yang mahir (*bobolian*) dalam melakukan adat tradisi dilihat seolah-olah telah hilang daripada kehidupan masyarakat mereka, namun sebenarnya masyarakat ini telah cuba untuk menyesuaikan diri mereka dengan persekitaran yang baru dan berubah. Perubahan yang berlaku diadaptasi dan disesuaikan dalam kehidupan agar mereka dapat memastikan amalan ritual tradisi tersebut dapat diteruskan dan dikekalkan dalam konteks kehidupan baharu.

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa telah berlakunya proses penyesuaian dalam amalan ritual tradisi dalam proses penanaman padi sawah masyarakat ini sebagai prasyarat untuk memastikan penerusan amalan adat tradisi tersebut terus berlaku dalam kehidupan mereka. Peranan *katekis* dalam konteks proses penanaman padi dapat dilihat sama seperti *bobolian* iaitu untuk melakukan upacara ritual dalam proses penanaman padi agar padi dapat tumbuh dengan subur. Apa yang berbeza hanyalah alatan dan kaedah yang digunakan untuk melakukan upacara ritual tersebut.

## Faktor Luaran

### a. Perubahan Teknologi

Selain faktor dalaman, terdapat juga faktor luaran seperti perubahan teknologi yang telah mendorong berlakunya perubahan dalam amalan adat dalam proses penanaman padi masyarakat Dusun Kuruyou di Liau Darat. Perubahan teknologi yang pantas berlaku dalam kehidupan masyarakat mereka telah mempengaruhi sosial dan budaya masyarakat mereka sehingga perubahan ini turut memberi impak kepada amalan adat dalam proses penanaman padi sawah mereka. Menurut Informan kajian, teknologi moden dan kaedah penanaman baru telah diperkenalkan oleh Lembaga Padi dan PELADANG kepada masyarakat mereka.

Dengan adanya teknologi moden baru seperti traktor, combine harvester, serta benih padi baru (TR8, TR9, TR 219 dan padi wangi), penggunaan baja dan racun kawalan perosak yang telah diperkenalkan oleh PELADANG, petani di Kampung Liau Darat percaya bahawa mereka tidak lagi perlu untuk melakukan ritual padi yang kompleks untuk menguatkan semangat padi seperti yang biasanya dilakukan dalam proses penanaman

padi sawah tradisional masyarakat mereka. Mereka malah merasakan bahawa amalan ritual yang kompleks dalam proses penanaman padi sawah tidak lagi relevan dalam konteks kehidupan baharu mereka.

Walau bagaimanapun, setelah membuat perbandingan di antara kedua-dua kaedah penanaman padi sawah yang diamalkan oleh masyarakat Kuruyou, kajian ini mendapati bahawa kini petani di Kampung Liau Darat terpaksa bekerja keras dua kali ganda untuk mendapatkan jumlah hasil padi yang sama yang biasanya mereka akan peroleh menggunakan kaedah penanaman padi sawah tradisional. Hal ini demikian kerana dengan menggunakan kaedah penanaman padi sawah moden (dua kali setahun) mereka terpaksa memaksimumkan penggunaan tanah sebanyak dua kali dalam setahun dan menggunakan racun serangga perosak yang berbahaya dan boleh memudaratkan tanah kerana benih padi baru yang kini digunakan oleh masyarakat mereka bukan jenis benih padi yang tahan kepada serangan serangga perosak seperti jenis benih padi yang lama (benih padi asli).

## Kesimpulan

Masyarakat Dusun Kuruyou di Kampung Liau Darat adalah sama seperti masyarakat tradisional yang lain, sangat berpegang teguh kepada amalan adat tradisi mereka yang telah lama diwariskan dan dikongsi bersama dalam kehidupan masyarakat mereka dari setiap generasi ke generasi. Namun begitu, seperti yang telah berlaku dalam kebanyakan masyarakat tradisional yang lain, perubahan zaman yang terus berlaku telah membawa arus pembangunan dan pemodenan yang kuat dan berterusan dalam kehidupan masyarakat mereka dan telah menyebabkan munculnya pengaruh-pengaruh perubahan yang berbentuk dalaman dan luaran yang berjaya meresap masuk ke dalam kehidupan masyarakat mereka. Pengaruh-pengaruh perubahan ini telah menyebabkan adat tradisi masyarakat Dusun Kuruyou di Kampung Liau Darat tidak lagi sama seperti yang pernah diamalkan oleh masyarakat mereka pada masa lalu. Walaupun begitu, kajian ini mendapati bahawa perubahan yang berlaku dan telah mengambil alih kehidupan masyarakat Dusun Kuruyou di Kampung Liau Darat sebenarnya merupakan satu bentuk strategi *survival* kepada amalan adat tradisi mereka yang masih dapat diamalkan dalam konteks kehidupan baharu. Perubahan amalan adat tradisi ini telah berlaku melalui beberapa bentuk pengubahsuaian dan adaptasi sehingga ia menjadi relevan dalam konteks kehidupan mereka yang baharu. Walaupun melalui penyesuaian dan adaptasi tersebut banyak mengubah amalan adat tradisi dalam proses penanaman padi mereka, namun

apa yang menariknya ialah amalan tradisi tersebut masih dapat diamalkan dalam kehidupan mereka sehingga ke hari ini dan tidak hilang begitu sahaja.

## Penghargaan

Penulis amat bersyukur kepada Ilahi, kerana dengan rahmatnya kajian ini telah siap dijalankan. Seterusnya, penulis juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua orang yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung sepanjang proses kajian ini dijalankan sehinggalah artikel ini selesai ditulis, terutamanya kepada para informan kajian kerana sudi bekerjasama untuk ditemu bual sepanjang penyelidikan ini dijalankan di Kampung Liau Darat, penulis juga ingin mendedikasikan penghargaan ini kepada mendiang Puan Linah di atas perkongsian ilmu dan pengalaman yang telah diberikan oleh mendiang. Tidak lupa juga kepada Prof. Dr. Jacqueline Pugh-Kitingan di atas tunjuk ajar dan bimbingan yang telah dicurahkan. Akhir sekali, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli keluarga terutamanya kepada kedua ibu bapa kerana telah memberikan sokongan moral dan motivasi yang berterusan sepanjang kajian ini dilakukan. Semoga Tuhan membalas balik jasa baik yang telah anda semua berikan.

## Rujukan

### *Artikel Jurnal*

- Chin, Constant Vianney Cyril. 2018. Changes in Traditional Wet Rice Cultivation Among the Kuruyou Dusun of Kg. Liau Darat, Keningau, Sabah. *Borneo Research Bulletin*. 49:202-220
- Hanafi Hussin. (2005). Ritual Padi Komuniti Kadazan Dataran Penampang, Sabah. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, 10:171-203.

### *Buku*

- Appell, G.N. (1972). Rungus Dusun. In: Frank M. LeBar, ed. *Ethnic Groups of Insular Southeast Asia, Indonesia, Andaman Islands and Madagascar*. Human Relations Area Files, Vol 1. New Heaven: HRAF Press, pp. 150-53.
- Pugh-Kitingan, J. (2003). *Alat-Alat Muzik dan Muzik Instrumental Kadazan Dusun Tambunan*. Kota Kinabalu: Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sabah.
- Pugh-Kitingan, J. (2012). *Kadazan Dusun*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Bhd.

Sabah Museum. (1993). *Rice Power and Its Magic*. Kota Kinabalu:  
Department of Sabah Museum and State Archives.

*Bab dalam Buku*

Spitzack, J. A. (1997). The Kuijau Language. In: Julie K. King & John Wayne King, eds. 1984. *Languages of Sabah: A Survey Report*. Pacific Linguistics, Research School of Pacific Studies, The Australian National University (originally published in 1984), pp. 257-270.